

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 09 Tahun 2013

## KEMUDAHAN KLINIK PANEL BAGI STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Penetapan Kemudahan Klinik Panel Bagi Staf Universiti Teknologi MARA.

### LATAR BELAKANG

2. Klinik Panel adalah salah satu kemudahan yang diberikan kepada staf Universiti Teknologi MARA. Rawatan di Klinik Panel adalah terhad kepada pesakit-pesakit yang telah berdaftar dengan Universiti Teknologi MARA sahaja dalam kategori berikut:
  - a. Staf Universiti Teknologi MARA;
  - b. Pasangan staf Universiti Teknologi MARA; dan
  - c. Anak-anak tanggungan staf Universiti Teknologi MARA - bermaksud anak yang belum berkahwin termasuk anak tiri & anak angkat (yang diambil secara sah mengikut Undang-Undang Malaysia yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa), berumur di bawah 18 tahun dan/atau di bawah 21 tahun jika sedang menerima pelajaran secara sepenuh masa.
3. Kemudahan Klinik Panel ini disediakan sebagai satu faedah dalam menjaga kebajikan staf yang:
  - a. Hanya dinikmati apabila diperlukan;
  - b. Diberi atas tujuan tertentu dengan syarat dan kelayakan berbeza; dan
  - c. Pihak Universiti boleh dalam keadaan tertentu membatalkan kemudahan tersebut.

4. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 3 pada 20 Ogos 2013 telah bersetuju dengan cadangan Penetapan Bilangan Kemudahan Klinik Panel. Manakala Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan Universiti Teknologi MARA dalam mesyuarat ke-145 pada 13 September 2013 telah bersetuju meluluskan Penetapan Kemudahan Klinik Panel Bagi Staf Universiti Teknologi MARA.

## **PELAKSANAAN**

5. Penetapan Kemudahan Klinik Panel Bagi Staf Universiti Teknologi MARA bertujuan memantapkan pengurusan hal ehwal Klinik Panel dan seterusnya membantu staf serta pihak Pentadbiran mengenalpasti rekod kesihatan diri/rawatan khusus yang perlu sekiranya berlaku musibah.

---

6. Bagi tujuan Pekeliling ini :

- a. "Luar Ibu Pejabat" bermaksud luar dari daerah tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas.
- b. "Luar Kawasan Kediaman" bermaksud luar dari daerah tempat kediaman rasmi.
- c. "Kejadian Kecemasan" bermaksud sakit yang memerlukan rawatan dari pegawai perubatan, kerana klinik panel yang dipilih pegawai tidak menyediakan perkhidmatan 24 jam.

7. Dasar Penetapan Kemudahan Klinik Panel Bagi Staf Universiti Teknologi MARA adalah seperti berikut:

- 7.1 Setiap staf dibenarkan memilih 2 buah Klinik Panel sahaja;
- 7.2 Sekiranya staf berada luar Ibu Pejabat/di luar kawasan kediaman/ kejadian kecemasan, staf dibenarkan mendapat rawatan perubatan di mana-mana di klinik jika perlu; dan
- 7.3 Tuntutan bagi rawatan staf di perkara 7.2 hanya akan diluluskan setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

## TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada 8 Nov 2013.

## TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Jan 2014.

## PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Staf Universiti Teknologi MARA yang layak.



**TAN SRI DATO' SRI PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil Fail : 100 - BPD (PKS.9/11/4)  
No Siri : 100 - UiTM (NC/09/2013)*